



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Aras 6, Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 603-8892 7600
Faks : 603-8888 9127
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel : operasi@bomba.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/OPS :600-3/8 Jld.11 (58)

Tarikh: 2 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato' / Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2019 – PINDAAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH ELAUN MEMANDU KENDERAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengeluarkan satu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2019 berkaitan Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk panduan di peringkat negeri.
3. Sehubungan dengan itu, dilampirkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 11 Tahun 2019 – berkaitan Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk perhatian dan tindakan pihak YS Dato' / Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ABDUL WAHAB BIN HAJI MAT YASIN)

Pengarah,
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- s.k
- i) YAS Ketua Pengarah
 - ii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 - iii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran
2. YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
3. YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
4. YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
5. YS Pengarah, Bahagian Latihan
6. YS Pengarah, Bahagian Udara
7. YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat
8. Pengarah, Bahagian Pengurusan
9. Pengarah, Bahagian Kejuruteraan Jentera
10. YS Pengarah JBPM Negeri Selangor
11. YS Pengarah JBPM Negeri Pahang
12. YS Pengarah JBPM Negeri Johor
13. YS Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang
14. YS Pengarah JBPM W.P Kuala Lumpur
15. YS Pengarah JBPM Negeri Perak
16. YS Pengarah JBPM Negeri Kedah
17. YS Pengarah JBPM Negeri Sabah
18. YS Pengarah JBPM Negeri Sarawak
19. YS Pengarah JBPM Negeri Melaka
20. YS Pengarah JBPM Negeri Negeri Sembilan
21. YS Pengarah JBPM Negeri Kelantan
22. YS Pengarah JBPM Negeri Terengganu
23. YS Pengarah JBPM Negeri Perlis
24. YS Pengarah JBPM W.P Labuan
25. YS Pengarah JBPM W.P Putrajaya
26. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah
27. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Timur
28. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Utara

29. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sabah
30. Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Sarawak
31. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Subang
32. Pegawai Memerintah, Pengkalan Udara JBPM Bertam
33. Ketua Unit Integriti
34. Ketua Unit Pengesan


'CEPAT DAN MESRA'



NOTA

Bengkel pindaan SOP Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah Elaun Memandu Kenderaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pusat Pengurusan Operasi Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia pada **6 Ogos 2019 hingga 8 Ogos 2019**. Bengkel ini telah diketuai oleh PgKB I Azmi Bin Sadon dari Cawangan Pengurusan Operasi. Bahagian Operasi Kebombaan Dan Penyelamat JBPM. Antara pegawai yang terlibat dalam bengkel ini adalah :

NEGERI	NAMA PEGAWAI
PERLIS	PKPgB ZAHARUL AMIN BIN AHMAD
KEDAH	PPgB NOORHAMIDI BIN ALI
PULAU PINANG	PBT MOHAMMAD YUSUP BIN YAHYA
PERAK	PgKB II SABARODZI BIN NOR AHMAD
SELANGOR	PKPgB MOHD FAHRULLAH BIN HJ.SAIDU
WP KUALA LUMPUR	PKPgB WAN HAMIZAN BIN WAN KAMARUDDIN
NEGERI SEMBILAN	PgB JUSMAN BIN ROMAN
MELAKA	PKPgB MOHD HAIRUL BIN MOHD SAYOTI
JOHOR	PBT SARINA BINTI SIDEK
PAHANG	PKPgB AMIRUL MUKMININ BIN ILYAS
TERENGGANU	TPgB ZAKARIYA BIN MOHAMED
KELANTAN	TPgB MOHAMAD SABRI BIN ISMAIL
WP PUTRAJAYA	PKPgB LIZAWATI BIN NASIR
SARAWAK	PgB ALAN NELSON ALFERED HALUP
SABAH	PKPgB JULIUS JOHN STEPHEN JR
WP LABUAN	PPgB MOHAMMED SURANTONA BIN TONAMLI


PgKB I AZMI BIN SADON
CAWANGAN PENGURUSAN OPERASI
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 11 TAHUN 2019

PINDAAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH ELAUN MEMANDU KENDERAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Arahan ini bertujuan sebagai Perintah Tetap Ketua Pengarah mengenai Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) dan Elaun Memandu Kenderaan Jabatan (ETMK) kepada Pegawai Bomba.

2.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mempunyai pelbagai kenderaan yang dilengkapi dengan peralatan pemadaman kebakaran dan penyelamatan. Ia dipandu dan dikendalikan oleh Pegawai Bomba Gred KB 19 sebagai tugas tambahan khas yang rumit dan memerlukan kemahiran khusus selain dari tugas asas mereka sebagai *frontline* melaksanakan gerak kerja pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

3.0 PUNCA KUASA

- 3.1. Surat rujukan JPA.SARAAN(S)/63/164-1Jld.8(45) pemanjangan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP).
- 3.2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2007, Elaun Tugas Memandu Kenderaan.

4.0 TAFSIRAN

Bagi tujuan ini, berikut adalah tafsiran:

- 4.1 **"Kenderaan Bomba"** ialah Kenderaan Kerajaan yang diperuntukkan untuk Jabatan bagi tugas pemadaman dan peyelamatan jenis *water tender* atau kenderaan jabatan kategori kenderaan khas, kenderaan utiliti dan seumpamanya.
- 4.2 **"Jentera Khas"** ialah kenderaan JBPM melebihi 5,000 kg (5 tan) dan kenderaan Emergency Medical Rescue Service (EMRS) dan jentera khas bomba bagi tujuan pemadaman dan penyelamatan.
- 4.3 **"Kenderaan Utiliti"** ialah semua jenis kenderaan sokongan JBPM seperti kereta, *Multi Purpose Vehicle* (MPV), van, pacuan empat roda (4x4), lori, dan lain-lain.
- 4.4 **"Kenderaan *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS)"** ialah kenderaan yang lengkap dengan peralatan perawatan perubatan kecemasan peringkat awal dan peralatan menyelamatkan asas yang digunakan semasa operasi untuk menyelamatkan atau merawat mangsa serta menghantar mangsa atau pesakit ke hospital sekiranya perlu.
- 4.5 **"Bot Bomba"** ialah semua jenis bot berenjin seperti bot aluminium, *kevlar boat*, *amfibia boat*, *fire boat*, *dolphin boat* atau mana-mana bot yang dibekalkan kepada JBPM.

5.0 JENIS ELAUN PEMANDU KENDERAAN JBPM

Terdapat 2 jenis elaun pemandu kenderaan JBPM iaitu:

5.1 Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)

Elaun ini dibayar kepada Pegawai Bomba Gred KB 19 yang memandu jentera khas bomba yang melebihi 5,000 kg (5 tan) dan kenderaan *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS) bagi tujuan pemadaman dan penyelamatan.

5.2 Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK)

Elaun ini diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007. Elaun ini dibayar kepada pegawai perkhidmatan awam yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan dan diarahkan oleh Ketua Jabatannya untuk memandu kenderaan jabatan. Bagi Jabatan ini elaun hanya diberikan kepada pegawai berpangkat Penolong Penguasa Bomba Gred KB 38 ke bawah sahaja.

6.0 NORMA PEMANDU KENDERAAN JBPM

Norma pemandu Kenderaan Bomba bagi setiap shif bagi tujuan ETKP adalah berdasarkan kepada berikut:

BIL	JENIS JENTERA	JUMLAH PEMANDU UTAMA	JUMLAH PEMANDU GANTIAN
1.	Jentera <i>Water Tender</i>	1 orang	1 orang
2.	Jentera Khas	1 orang	tiada
3.	Jentera <i>EMRS</i>	1 orang	tiada

Pemandu yang dilantik ETKP boleh juga memandu kenderaan utiliti di balai-balai.

7.0 KADAR ELAUN

Kadar elaun-elaun memandu ini adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS ELAUN	KADAR
1.	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)	RM150.00 sebulan
2.	Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK). Kereta/ Van/ Lori/Bot Berenjin	RM5.00 sehari
	Motosikal	RM3.00 sehari

8.0 SYARAT- SYARAT DAN KELAYAKAN

Syarat-syarat dan kelayakan yang mendapat elaun-elaun ini adalah seperti berikut:-

8.1 Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP).

- 8.1.1 Lulus dan mempunyai lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti di **Lampiran 3**;
- 8.1.2 Lulus penilaian pemanduan kenderaan Bomba dan pengendalian peralatan oleh JBPM. (seperti di **Lampiran 4**);
- 8.1.3 Lulus kursus pemanduan kenderaan bomba (ERDT) seperti di **Lampiran 3**; dan
- 8.1.4 Lulus ujian kesihatan oleh pegawai perubatan kerajaan. (seperti di **Lampiran 5**).

8.2 Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK)

- 8.2.1 Tugas hakiki pegawai bukan memandu kenderaan;
- 8.2.2 Bagi memandu kenderaan/ Bot Bomba hendaklah mempunyai lesen seperti di **Lampiran 3**;

- 8.2.3 Lulus penilaian pemanduan kenderaan Bomba dan pengendalian peralatan oleh JBPM. (seperti di **Lampiran 4**); dan
- 8.2.4 Diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Bomba, motosikal Bomba atau Bot Bomba bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan (Penolong Penguasa Bomba Gred KB 38 ke bawah sahaja yang layak).

9.0 PELANTIKAN PEMANDU

Bagi elaun ETKP, pelantikan pemandu adalah seperti berikut:-

- 9.1** Pengarah Bomba Negeri boleh memajukan permohonan pelantikan pemandu daripada Pegawai Bomba Gred KB 19 yang telah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan di para 15(a) di atas kepada Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat dengan menggunakan Borang ETKP 1 seperti di **Lampiran 6**;
- 9.2** Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat setelah menerima Borang ETKP 1 hendaklah menyemak borang permohonan tersebut perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Akreditasi Jabatan (JAJ);
- 9.3** Setelah mendapat kelulusan jawatankuasa tersebut, Ketua Pengarah akan mengeluarkan surat pelantikan seperti di **Lampiran 7**;
- 9.4** Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat akan memajukan surat pelantikan tersebut kepada Pengarah Bomba Negeri dan seterusnya kepada pegawai bomba berkenaan; dan
- 9.5** Bagi elaun ETMK, jika terdapat keperluan seperti di para 5 di atas, Pengarah boleh melantik mana-mana Penolong Penguasa Bomba Gred KB38 ke bawah yang memenuhi syarat-syarat dan kelayakan seperti para 15(b) di atas seperti di **Lampiran 8**.

10.0 PEMBATALAN PELANTIKAN PEMANDU

ETKP akan dibatalkan jika:-

- 10.1** Pemandu berpindah balai
- 10.2** Dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi
- 10.3** Tidak memenuhi syarat dan kelayakan.
- 10.4** Dikenakan tindakan tatatertib dan disiplin

11.0 KURSUS PEMANDU

Sebelum melantik Pegawai Bomba Gred KB19 untuk memandu bagi elaun ETKP, ianya hendaklah telah menjalankan kursus dengan jayanya seperti di **Lampiran 4**.

12.0 PEMBAYARAN ELAUN PEMANDU

- 12.1** Pembayaran elaun pemandu iaitu ETKP dan ETMK hendaklah berlandaskan kepada peraturan kewangan;
- 12.2** Bagi ETMK tuntutan elaun pemandu hendaklah mengisi Borang seperti di **Lampiran 11**; dan
- 12.3** Pegawai Bomba Gred KB19 yang memandu tidak layak dibayar ETKP apabila dalam keadaan berikut:
 - 12.3.1** Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
 - 12.3.2** Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
 - 12.3.3** Kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - 12.3.4** Tempoh Cuti Rehat termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi jumlah melebihi 28 hari berturut-turut;
 - 12.3.5** Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - 12.3.6** Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; atau

12.3.7 Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

12.4 Dalam keadaan-keadaan di para 23, pembayaran hendaklah dibuat secara *proportionate* sekiranya perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu bulan kalender seperti berikut:

Bilangan hari menjalankan tugas
_____ x Kadar sebulan
Bilangan hari dalam bulan berkenaan


13.0 PENUTUP

13.1 Garis panduan ini bagi memastikan pengurusan elaun untuk pemandu jentera dan kenderaan jabatan meliputi semua peringkat dilaksanakan dengan baik. Pembayaran elaun-elaun dilakukan berlandaskan dengan peraturan yang ditetapkan.

13.2 Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini dari masa ke semasa.

14.0 TARIKH KUATKUASA

Pindaan Arahan Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2015 ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ditandatangani.



(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HAJI WAHID)

KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
TARIKH: 3. 10. 19 .



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT OF MALAYSIA
Bahagian Saraan
Remuneration Division
Aras 4 & 6, Blok C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-80008000
Faks(Fax): 603-8885 5678/8885 5677/
8885 5679/8885 5700 (MBK)
Laman Web (web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA SARAAN(S)63/164-1 Jld. 8(45)

Tarikh : 25 November 2014

YBhg. Dato' Seri Arpah binti Abdul Razak

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan

No. 51, Persiaran Perdana, Persint 4

62100 PUTRAJAYA

**PEMANJANGAN ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU KEPADA PEGAWAI BOMBA GRED KB17
YANG MEMANDU KENDERAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat pihak YBhg. Dato' Seri bil. KPKT/(S)01/510/10 Jld. 10(19) bertarikh 12 November 2012 dan surat Jabatan ini bil. JPA.SARAAN(S)63/164-Jld.8(13) bertarikh 10 Disember 2012 mengenai perkara di atas.

2. Sebagai makluman YBhg. Dato' Seri, permohonan pemanjangan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) kepada Pegawai Bomba Gred KB17 yang memandu kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah dikaji oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Kajian Penstrukturan Semula Elaun 2012/ 2013 dari segi prinsip-prinsip saran dan kriteria-kriteria pemberian elaun untuk diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan.
3. Justeru itu, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju meluluskan pemanjangan bayaran **ETKP kepada Pegawai Bomba Gred KB17** yang memandu kenderaan JBPM melebihi 5000 kg dan kenderaan Emergency Medical Rescue Service (EMRS) bagi **tujuan pemadaman dan penyelamatan** sahaja pada kadar RM150.00 sebulan dengan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2015**. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada JBPM mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk pembayaran elaun tersebut dan menggunakan peruntukan tahun semasa JBPM.

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam

Driving transformation In The Public Service



4. Dalam perihal ini, sebagaimana peraturan yang berkuatkuasa, pegawai seperti di perenggan 3 di atas layak dibayar ETKP **kecuali** dalam keadaan berikut:

- i. Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- ii. Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- iii. kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- iv. tempoh Cuti Rehat termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi jumlah yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- v. cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- vi. kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja atau;
- vii. menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

5. Dalam keadaan-keadaan di perenggan 4 di atas, pembayaran hendaklah dibuat secara *proportionate* sekiranya perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu bulan seperti berikut:

Bilangan hari menjalankan tugas

_____ x Kadar Sebulan


Bilangan hari dalam bulan berkenaan

6. Selaras dengan keputusan Kerajaan ini, diharapkan pegawai yang terlibat akan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK RAJA NOOR ZAEDAH BINTI RAJA AHMAD)

Pengarah Bahagian Saraan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Tel : 03-8885 5601

Email : zaedah@jpa.gov.my



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2007

ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan bagi melaksanakan pemberian Elaun Tugas Memandu Kenderaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Elaun Tugas Memandu Kenderaan telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980. Elaun ini dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan dan diarahkan oleh Ketua Jabatannya untuk memandu kenderaan Kerajaan.

PELAKSANAAN

Syarat dan Kelayakan

3. Pegawai yang layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. tugas hakiki pegawai bukan memandu kenderaan;
 - b. mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah mengikut kategori kenderaan yang berkenaan;
 - c. bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot kerajaan, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia;
 - d. diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan dan;
 - e. memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama tidak kurang daripada 4 jam sehari.

4. Pemandu Kenderaan yang diarah untuk memandu bot Kerajaan adalah layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan mengikut syarat-syarat di perenggan 3(c) hingga 3(e) di atas.

Kadar Elaun Tugas Memandu Kenderaan

5. Kadar Elaun Tugas Memandu Kenderaan adalah seperti berikut:

Jenis Kenderaan	Kadar Sehari
Kereta/ Van/ Lori/ Bot Berenjin	RM 5.00
Motosikal	RM 3.00

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun2007**.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka perenggan 3.4, Lampiran 'C', Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakhluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

PUTRAJAYA

30 Julai 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran 3

SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN ETKP DAN ETMK LESEN KURSUS

BIL	JENIS KENDERAAN	LESEN	KURSUS PEMANDUAN
1	WATER TENDER a) Fire Rescue Tender (FRT) (i) Nissan (ii) Scania (iii) Bedford b) Light Fire Rescue Tender(LFRT) (i) Atego (ii) Merc Benz c) Rapid Fire Rescue Tender (RFRT) (i) Chevrolet (ii) Ford	E	Kursus Emergency Vehicle Driving Technique atau setaraf dengannya oleh JBPM
2	HAZMAT	E	Sama seperti No 1 di atas
3	EMRS (Emergency Medical Rescue Services) TTL (Turn Table Ladder)	D	Sama seperti No 1 di atas
4	a) Merc b) Isuzu c) Hydraulic Platform	E dan H	Sama seperti No 1 di atas dan kursus. Pengendalian TTL dan peralatannya.
5	WATER TANK	E	Samaseperti No 1 di atas
6	HPPM (High Performance Pump Module)		
7	Foam Tender		
8	Aircraft Refueller		
9	Kembalik		

10	Kenderan Utiliti a) Pacuan 4x4 b) Van c) MPV	E	Tiada
11	Lori Pengangkutan	E	Tiada
12	Motosikal RIM	B	Menghadiri kursus pengendalian Motosikal oleh Jabatan
13	Fire Boat	Tiada	Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia
14	Bot	Tiada	Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia



Lampiran 4

FORMAT UJIAN PENYESUAIAN BAGI PELANTIKAN PEMANDU KENDERAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA, NEGERI JOHOR

NAMA :	NO. K/P :					
BAHAGIAN/BALAI BERTUGAS:	KELAS LESEN MEMANDU SEDIA ADA:					
TEMPOH BERKHIDMAT:	NO. SIRI LESEN MEMANDU:					
SUBJEK PENILAIAN	PENILAIAN					CATATAN
	1	2	3	4	5	
1. PEMERIKSAAN PADA KENDERAAN						
2. TINDAKAN SEBELUM MEMANDU SEMASA DI DALAM KENDERAAN						
3. TINDAKAN KETIKA BERGERAK						
4. PENGGUNAAN GEAR KELAJUAN YANG BETUL (Jika menggunakan gear transmission manual)						
5. KAWALAN CLUTCH (Jika menggunakan gear transmission manual)						
6. KAWALAN STEERING						
7. KEKERAPAN MELIHAT CERMIN						
8. JARAK MENGIKUT KENDERAAN						
9. MEMBERI LAMPU ISYARAT						
10. KEDUDUKAN DI LORONG YANG BETUL						
11. TINDAKAN SEMASA MEMBERHENTIKAN KENDERAAN						
12. KEDUDUKAN BERHENTI DI SIMPANG JALAN						
13. PENGGUNAAN BREK TANGAN						
14. KEDUDUKAN DI BULATAN SEKELILING						
15. KEDUDUKAN SEMASA DI SELEKOH						

16. KELAJUAN SEMASA DI SELEKOH						
17. KELAJUAN SEMASA DI BULATAN SEKELILING						
18. KAWALAN GEAR DALAM KELAJUAN (Jika menggunakan gear transmission manual)						
19. TINDAKAN SEMASA MEMOTONG						
20. PENGGUNAAN HON						
21. PENGGUNAAN GEAR SEMASA MENDAKI (Jika menggunakan gear transmission manual)						
22. KELAJUAN KENDERAAN MENGIKUT KESESUAIAN JALANRAYA						
23. TUMPUAN DAN PEMERHATIAN SEMASA MEMANDU						
24. SIMPATI KEPADA PENGGUNA JALANRAYA YANG LAIN						
25. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG LALU LINTAS SEDIA ADA						
JUMLAH						
JUMLAH KESELURUHAN						

1=TIDAK MEMUASKAN 2=KURANG MEMUASKAN 3= MEMUASKAN 4=AMAT MEMUASKAN
5= CEMERLANG

$$\frac{\text{JUMLAH ()}}{125} \times 5 = ()$$

1 HINGGA 2 : TIDAK MEMUASKAN
2.1 HINGGA 3 : KURANG MEMUASKAN
3.1 HINGGA 4 : MEMUASKAN
4.1 HINGGA 5 : AMAT MEMUASKAN
5: CEMERLANG

Ulasan dan perakuan penguji : _____

Nama Penguji : _____

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

LAMPIRAN 5

(Fin. 2/2013)

**BORANG PEMERIKSAAN PERUBATAN
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM****A. BIODATA****[Disisi sebelum berjumpa pengamal perubatan berdaftar. Sila tandakan (/) di ruangan berkaitan]**

1. Nama: _____
2. No Kad Pengenalan:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--
3. Umur:

--	--

 Tahun

--	--

 Bulan (pada tarikh pemeriksaan)
4. Jantina:

--

 Lelaki

--

 Perempuan
5. Bangsa:

--

 Melayu

--

 Cina

--

 India

--

 Lain-lain (sila nyatakan): _____
6. Taraf Perkahwinan:

--

 Bujang

--

 Berkahwin

--

 Janda/Duda
7. Alamat Kediaman: _____

8. Alamat Tempat Kerja: _____

9. Sejarah Pekerjaan (3 yang terkini):

Nama Jawatan	Kementerian/ Jabatan	Tempoh
a. _____	_____	_____
b. _____	_____	_____
c. _____	_____	_____
10. Sejarah Perubatan:

<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	a. Penyakit Mental (<i>Mental illness</i>)
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	b. Lain-lain (sila nyatakan) (<i>Others, please specify</i>) _____

11. Sejarah Pembedahan:

Jenis Pembedahan / (Type of surgery)	Tahun
a. _____	_____
b. _____	_____
c. _____	_____

12. Sejarah Merokok:

☐ Tidak Merokok (Non smokers)
☐ Bekas Perokok (melebihi 6 bulan) ☐ Perokok (Smoker)
 (ex-smoker)

13. Sejarah Alergi (Allergy):

i. Obat-obatan: a. _____ b. _____
 (Medicine) c. _____ d. _____
 ii. Lain-lain a. _____ b. _____
 (Others) c. _____ d. _____

14. Sejarah Keluarga:

☐ a. Penyakit Mental (Mental illness)
☐ b. Kanker (Cancer)
☐ c. Kencing Manis (Diabetes Mellitus)
☐ d. Darah tinggi (Hypertension)
☐ e. Strok (Stroke)
☐ f. Penyakit Jantung (Heart disease)
☐ g. Lain-lain (sila nyatakan) (Others, please specify)

B. PEMERIKSAAN FIZIKAL (untuk diisi oleh pengamal perubatan berdaftar)

1. Tinggi: cm Berat Badan: kg
 (Height) (Weight)
 2. Indeks Jisim Tubuh (BMI): kg/m² BMI < 18.5 (kurang berat badan)
 BMI 18.5-24.9 (normal)
 BMI 25-29.9 (lebih berat badan)
 BMI > 30 (kegemukan / obes)

3. Penglihatan
(Vision):

Mata Kanan (Right Eye)		Mata Kiri (Left Eye)	
Dengan Kaca Mata (With glasses)	6/ _	Dengan Kaca Mata (With glasses)	6/ _
Tanpa Kaca Mata (Without glasses)	6/ _	Tanpa Kaca Mata (Without glasses)	6/ _

Kadar Nadi (Pulse rate) : _____ /min Rentak (Rhythm): _____

Tekanan Darah (Blood Pressure) : _____ sistolik mm/Hg
_____ diastolik mm/Hg

Pemeriksaan Klinikal Payudara: Biasa (Normal) / Luar Biasa (Abnormal) _____
(Clinical Breast Examination)

Pap smear: _____

C. UJIAN MAKMAL

1. Glukosa Darah:

atau; Rawak (Random) _____ mmol/l
Puasa (Fasting) _____ mmol/l

2. Serum Lipid:

Total Cholesterol _____ mmol/l

Nota: Jalankan ujian lanjut jika diperlukan.

D. Catatan

Tandatangan
Pemeriksa : _____
Nama : _____

Tarikh : _____
Cop Rasmi: _____

E. PEMERIKSAAN KESIHATAN PERGIGIAN: (untuk diisi oleh Pegawai Pergigian)

☐ Kesihatan pergigian yang baik / tidak memerlukan rawatan

Terdapat masalah pergigian:-

☐

Infeksi

☐

Periodontium

☐

Karies / Restorasi

☐

Lain-lain (Others)

(sila nyatakan) _____

☐

Kehilangan Gigi (tooth loss)

Tandatangan

Pemeriksa : _____

Tarikh : _____

Nama : _____

Cop Rasmi:

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN:

Dengan ini disahkan bahawa _____ (nama pemohon)

No. Kad Pengenalan _____ telah menjalani pemeriksaan
kesihatan pada _____ dari jam _____ hingga jam _____.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan/
No. Pasport : _____

Jawatan : _____

No. Pendaftaran MMC : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi : _____

Lampiran 6

Borang ETKP 1

Borang Permohonan Pelantikan Pemandu Kenderaan Bomba Bagi Tujuan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP)

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1	Nama :
2	Pangkat :
3	NomborKadPengenalan :
4	NomborBadan :
5	Tempat / AlamatBertugas :
6	Tarikh Lantikan :
7	Tarikh disahkan jawatan :
8	Pemandu Kenderaan Jenis:
9	Syarat-syaratkelayakan : a) Kelas Lesen Memandu b) Salinan sijil kursus pemanduan kenderaan bomba (ERDT). c) Salinan format penilaian penyesuaian pemanduan kenderaan bomba. d) Salinan laporan pemeriksaan Pegawai Perubatan Kerajaan

10	PERAKUAN PEMOHON Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat di atas adalah benar Tarikh (Tandatangan Pemohon)
11	PENGESAHAN KETUA BALAI Saya menyokong pegawai ini untuk memandu kenderaan bomba di Balai/pejabat dan beliau telah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang disyaratkan. Tarikh (Tandatangan dan Cop)
12	ULASAN PENGARAH BOMBA NEGERI Tarikh (Tandatangan dan Cop)
13	PENGESAHAN PEGAWAI AKREDITASI JABATAN Dengan ini, permohonan pegawai ini adalah diluluskan. Tarikh (Tandatangan dan Cop)

Lampiran 7

Kepada Pengarah Negeri

YS Tuan,

SENARAI NAMA PEMANDU GRED KB 19 YANG DILULUSKAN PEMBAYARAN ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU (ETKP)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat JPA.SARAAN (S) 63/164-1 Jld.8 (45) bertarikh 25 November 2014 telah meluluskan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berkuatkuasa pada 01 Januari 2015.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dipanjangkan senarai nama pemandu yang diluluskan bagi tujuan pembayaran elaun ETKP seperti di **Lampiran A**.

4. Walau bagaimanapun, pihak YS Tuan adalah diingatkan bahawa pengurusan pembayaran elaun ETKP tersebut adalah berdasarkan kepada norma pemandu dan keluaran yang ditetapkan seperti yang tertakluk di dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2015 dan peraturan kewangan serta Pekeliling semasa yang sedang berjalan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

()

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k. :

i. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Kepada
(Pemandu)

Tuan,

**PELANTIKAN MEMANDU KENDERAAN UTILITI / LORI / BOT /
MOTOSIKAL RIM**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat JPA.(BEG)223/5/4-3(21) bertarikh 30 Julai 2007 telah meluluskan Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK) kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berkuatkuasa pada 01 Jun 2007.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dipanjangkan senarai nama pemandu yang diluluskan bagi tujuan pembayaran elaun ETMK seperti di **Lampiran A**.

4. Pegawai yang dilantik hendaklah mematuhi pada Perintah Tetap Bil 4 Tahun 1990 (Tugas dan Tanggungjawab Pemandu Terhadap Kenderaan Semasa Operasi) dan Perintah Tetap Bil 3 Tahun 2013 (Kemalangan yang melibatkan Kenderaan Jabatan) serta lain-lain perintah yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

()

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri

s.k. :

i. Fail

Kepada Pengarah Negeri

YS Tuan,

**PEMBATALAN PELANTIKAN PEMANDU BAGI TUJUAN ELAUN
TANGGUNG JAWAB KHAS PEMANDU (ETKP)**

Adalah saya merujuk kepada surat daripada Pengarah Bomba Negeri
No Rujukan Surat : JBPM/..... bertarikh
adalah berkaitan.

2. Dengan ini, setelah membuat penilaian dan pertimbangan ke atas
perkara tersebut bersetuju membatalkan Pelantikan Memandu
Kenderaan Bomba bagi tujuan Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu
(ETKP) Nombor Pelantikan seperti di **Lampiran A** berkuatkuasa
daripada tarikh surat ini.

3. Dengan ini, tuan adalah tidak lagi memandu kenderaan bomba
tersebut dan tidak layak di bayar elaun tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

()

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k. :

- i. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- ii. Fail

Lampiran 10

Senarai Edaran

Tuan,

PEMBATALAN PELANTIKAN MEMANDU BAGI TUJUAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN (ETMK)

Adalah saya merujuk kepada surat daripada Pengarah Bomba Negeri
No Rujukan Surat : JBPM/..... bertarikh
adalah berkaitan.

2. Dengan ini, setelah membuat penilaian dan pertimbangan ke atas perkara tersebut bersetuju membatalkan Pelantikan Memandu Kenderaan Bomba bagi tujuan Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK) seperti di **Lampiran A** berkuatkuasa daripada tarikh surat ini.

3. Dengan ini, tuan adalah tidak lagi memandu kenderaan bomba tersebut dan tidak layak di bayar elaun tersebut.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

()

Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri

s.k. :

i. Fail

**BORANG TUNTUTAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN (ETMK)
(MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2007)**

BULAN :

i. Nama :

ii. No KadPengenalan :

iii. GredJawatan :

iv. Bahagian / Pejabat :

[illegible]